

200 spesies kucing dipamerkan di Putrajaya

PUTRAJAYA 14 Mac - Para peminat kucing berpeluang menyaksikan pelbagai spesies haiwan peliharaan tersebut dalam Festival Pencinta Haiwan Kesayangan Putrajaya yang dianjurkan Kelab Kucing Malaysia di Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya (PPj) di sini.

Festival yang berlangsung selama dua hari bermula hari ini itu menampilkan 200 kucing daripada pelbagai spesies dan baka termasuk Parsi, Norwegian Forest, Devon Rex, Cornish Rex, Bengal, Siam, Siberian, Birman, Angora, Turkish dan pelbagai jenis kucing yang ganjil dan unik.

Presiden Kelab Kucing Malaysia, Khalid Rashid berkata, karnival yang dianjurkan dengan kerjasama PPj itu dimuatkan dengan pelbagai acara sampingan seperti pertandingan bagi menarik lebih banyak peminat daripada pencinta haiwan peliharaan terutamanya kucing.

“Objektif penganjuran karnival ini adalah untuk mengumpul pengemmar haiwan peliharaan di Malaysia. Pada festival ini kucing menjadi haiwan utama kerana mempunyai peminat yang ramai di Malaysia, selain itu turut dipamerkan ialah anab, musang, ular dan tikus.

“Pameran dan pertandingan ini terbuka kepada semua peminat haiwan peliharaan dan orang ramai boleh menyaksikan pelbagai jenis haiwan peliharaan dengan kemasu-



SEKUMPULAN peminat tertarik dengan kucing sempena Festival Pencinta Haiwan Kesayangan Putrajaya anjuran Kelab Kucing Malaysia di Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya di Putrajaya, semalam. - MINGGUAN/ZAKI AMIRUDDIN

kan secara percuma,” katanya ketika ditemui *Mingguan Malaysia*, di sini hari ini.

Menurut Khalid, pelbagai acara sampingan juga diadakan bagi membolehkan pengunjung menyertainya termasuk pertandingan bunyi macam kucing, hiasan sangkar kucing, pakaian kucing, kuiz, gerai jualan dan juga pertandingan warna untuk kanak-kanak.

Selain itu, katanya, pameran dan pertandingan pada festival berkenaan akan diadili oleh juri yang didatangkan khas dari Jerman, selain juri tempatan dari Jabatan Veterinar, Kementerian Kesihatan.

“Pemenang setiap kategori yang dipertandingkan akan membawa pulang piala pusingan, sangkar kucing, aksesori dan makanan kucing berserta sijil,” katanya.